

# Mistik sebuah bandar diraja

Kosmo 1108109 Misi 18

Apakah rahsia yang tersimpan di sebalik monumen Angkor Wat hingga berjaya menarik ratusan ribu pelancong untuk menyusuri sejarahnya?

Oleh SUBASHINI RAJANDRA  
subashini.rajandra@kosmo.com.my

**C**HUM REAP SUA. Begitulah sapaan lembut yang lazimnya didengar daripada mulut para penduduk di Siem Reap kepada para pelancong yang mengunjungi kota Angkor Wat.

Walaupun kurang fasih, kebanyakan pemandu pelancong cukup mahir menjelaskan susur galur tamadun kota Siem Reap dalam bahasa Inggeris dan Perancis.

Dalam urusan seharian, penduduk di Siem Reap yang terdiri daripada kumpulan etnik Khmer iaitu di antara 90 hingga 95 peratusnya Cina, Khmer-Islam, Orang Asli dari kawasan bukit di timur laut dan Vietnam, selesa berkomunikasi antara satu sama lain dalam bahasa Khmer atau Thailand.

Dibelenggu kancah kemiskinan, masyarakat setempat bangun seawal pukul 5 pagi untuk bersemenam dan memulakan kerja sebagai petani, penyambut tetamu atau pelayan di hotel, pengawal di tapak arkeologi, nelayan dan pemandu tuk tuk atau *remok* dalam bahasa Khmer.

Kaum wanita lazimnya menjual sayur-sayuran dan buah-buahan, barangan kraftangan, fabrik sutera dan barangan perhiasan wanita di Old Market, Noon Night Market dan Angkor Night Market.

Kebanyakan penduduk di sini masih berpegang kuat kepada ajaran agama Buddha yang berasal dari India di samping kepercayaan-kepercayaan lain.

Makanan ruji di Kemboja hampir sama dengan di negara jiran, Thailand dan negara-negara Asia lain.

Selain nasi putih dan mi, penduduknya gemar masak kari atau sup ayam, itik, daging lembu dan babi.

Biarpun tidak terlalu

pedas, anda kerap menjumpai sos ikan dan udang yang diproses serta mempunyai rasa masin pedas.

Bagi pemakan sayur, penggemar hidangan Barat atau mencari makanan halal, jangan bimbang kerana masih terdapat banyak pilihan di Night Market Road, Svay Dangkum dan Sala Kamraeuk.

Dari dapur Khmer ke Filipina, Perancis, India, Korea, Jepun hinggalah kepada masakan Cina/Asia dan Thailand, Siem Reap tidak akan mengecewakan deria rasa anda.

Hotel-hotel yang ditawarkan juga boleh dipecahkan kepada kategori kelas mewah, sederhana dan bajet. Dari semurah AS\$5 (RM17), anda boleh menempah sebuah bilik di tempat penginapan bajet rendah. Jika inginkan layanan penginapan kelas satu, cubalah Royal Angkor Resort and Spa, Le Meridien Angkor, Raffles Grand Hotel d'Angkor, The Sothea dan seumpamanya.

## Kenalan

Jika anda seperti penulis yang mementingkan aktiviti luar, menyewa bilik kelas sederhana sama ada di City River Hotel, Antanue Angkor Villa atau Angkor Star Hotel sudah memadai.

Lawatan penulis menjadi lebih bermakna apabila sempat berkenalan dengan seorang pemandu *remok*, Taocun Heng Sok Bun, 29. Berasal dari Phnom Penh, sudah dua tahun Heng Sok Bun memandu *remok* dan mengetahui selok-belok bandar kecil itu yang terletak di utara Kemboja.

Katanya, Siem Reap menerima kunjungan pelancong yang paling tinggi pada hujung tahun terutamanya pada bulan November ketika acara perlumbaan bot.

Terletak di tengah-tengah sawah padi yang menghijau dan

ANGKOR WAT yang dibina pada awal kurun ke-12 ini masih utuh struktur bangunannya.



BAHAGIAN dalam Angkor Wat yang masih terpelihara.



PREAH KHAN pernah mencatatkan sebagai sebuah pusat pengajian dan biara terhebat di Kemboja.




AKAR-AKAR liar yang tumbuh menjalar di Ta Phrom.





**ENDUDUK** Khmer menyara hidup dengan erniaga secara kecil-kecilan.



**PARA** sami ini menghadiri kelas di dalam pagoda di kampung Phnom Baset, wilayah Kandal 25 kilometer ke utara Phnom Penh.



**KESESAKAN** lalu lintas juga antara masalah yang dihadapi oleh penduduk di Siem Reap.

← sungai Siem Reap yang mengalir dari utara ke timur Kemboja, Siem Reap memiliki daya tarikan tersendiri. Lebih-lebih lagi, berhubung era kemasyhuran dan kejatuhan empyar Angkor.

Kini dikenali sebagai Taman Arkeologi Angkor yang diiktiraf oleh badan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Siem Reap merupakan destinasi pelancongan yang cukup popular di Asia Tenggara. Ia menempatkan berdozen-dozen kuil, pagoda dan legenda artistik setaraf dengan kehebatan ukiran pada piramid, Machu Pichu dan Taj Mahal.

### Monumen

Angkor Wat mengungkap kehebatan monumen itu sewaktu matahari terbit. Struktur Angkor Wat bagaikan 'hidup' seketika membelakangkan cahaya matahari pada pukul 5.45 pagi.

### Perlu tahu sebelum ke Siem Reap

■ Taman Arkeologi Angkor ialah Tapak Warisan Dunia sejak tahun 1992 dan terletak di kawasan lebih dari 400 kilometer persegi. Waktu operasi adalah dari pukul 5 hingga 6 petang.

■ Sebelum memasuki Taman Arkeologi Angkor, anda perlu membeli pas masuk yang dijual dalam pakej lawatan sehari (AS\$20 atau RM70.80), tiga hari (AS\$40 atau RM141) atau seminggu (US\$60 atau RM212).

Tiket ini perlu ditunjukkan hampir di semua taman atau kuil yang dikunjungi. Jika hilang, anda perlu membayar denda.

■ Remok ialah sejenis pengangkutan murah dan cepat yang digunakan untuk membawa bersiar-siar di sekitar Siem Reap. Ia sama seperti beca dan boleh dinaiki sehingga empat atau lima orang. Ada sesetengah pemandu remok menyediakan buku pelancongan, payung, baju hujan dan selipar secara percuma.

■ Barangan penting yang perlu dibawa: Pakaian yang diperbuat daripada fabrik mudah bernafas dan ringan, kasut sukan dan selipar, topi, cermin mata hitam, krim pelindung matahari, krim pencegah gigitan nyamuk dan payung atau baju hujan (musim hujan).

■ Harus dilakukan semasa ke Siem Reap: Berkunjung ke Taman Arkeologi Angkor, singgah ke pasar Psar Cha dan Old Market, Angkor Night Market dan saksikan tarian Apsara.

■ Kebanyakan urusan perniagaan dijalankan dalam mata wang asing dolar selain Riel untuk pembelian atau pertukaran bernilai rendah.

■ Jika anda terbang dari Malaysia ke Siem Reap, anda untung satu jam dalam sehari dan sebaliknya.

...dari pada pukul 9.45 pagi.

Seperti kuil Angkor yang lain, Angkor Wat melakar kisah dewa-dewa Hindu seperti Shiva, Vishnu, Krishna, Ramayana dan pertempuran di Lanka secara meluas. Dikategorikan sebagai monumen dengan nilai seni estetik tertinggi, Angkor Wat bermaksud biara bandar diraja.

Tapak Warisan Dunia itu menghala ke timur dan dikelilingi oleh kubu yang berparit seluas 1.5 kilometer dari bahagian timur ke barat dan 1.3 kilometer dari utara ke selatan. Parit itu dihubungi oleh sebuah tambak berbatu yang di hujungnya terletak kehalusan binaan Angkor Wat yang berdiri megah.

Pengunjung sekali lagi disapa oleh tambak batu kedua yang membawa mereka ke pintu masuk Angkor Wat. Dalam perjalanan selama lima minit itu, terdapat dua buah perpustakaan di kedua-dua belah tambak.

Antara lain kunjungan terawal penulis di Taman Arkeologi Angkor ialah Angkor Thom. Dengan sekumpulan arca yang menghala ke pintu masuk selatan, Angkor Thom adalah sebuah kawasan sebesar 10 kilometer persegi.

## Bandar diraja

Membawa maksud Angkor Besar, ia dibina oleh Jayavarman VII yang memerintah dari tahun 1181 dan 1201. Selepas melawati runtuhannya kuil-kuil Angkor Thom seperti Bayon, Baphoun, Phimeanakas, Terrace of Leper King dan Ter-

race of the Elephants, anda pasti ber-setuju bahawa ia sememangnya sebuah bandar diraja.

Setelah mengambil kira empat penjuru utama dalam bacaan kompas, dinding Angkor Thom dibina dengan empat buah pintu gerbang yang gagah. Pintu gerbang yang kelima terletak di bahagian barat, dikhaskan kepada orang istana.

Berbeza dengan kuil lain, Bayon adalah satu-satunya monumen yang menampilkan sifat enigmatik kerana ia memukau pengunjung dengan hiasan wajah gergasi. Di setiap sudut, binaan menaranya berdiri secara signifikan dengan rekaan wajah yang kelihatan tenang.

Sehingga hari ini, para arkeologi dari seluruh pelosok dunia masih tidak dapat merungkai misteri simbol dan fungsi struktur itu.

Baphoun yang sedang menjalani kerja-kerja membaiki pulih, boleh dimasuki melalui sebuah jambatan panjang. Seperti Bayon, ia memiliki ukiran seni terperinci berhubung pengaruh dewa-dewi, haiwan ternakan dan kehidupan seharian penduduk pada zaman itu.

## Kuil piramid

Phimeanakas adalah sebuah kuil yang berbentuk seperti piramid di atas sebidang tanah bersaiz segi empat. Dipercayai bahawa binaannya berkisar tentang legenda seorang wanita ular yang terkenal dalam kalangan pemerintah

Angkor.

Terrace of Leper King dan Terrace of the Elephants terletak secara bertentangan. Kedua-dua platform itu dikatakan digunakan oleh Raja Angkor untuk menyaksikan kegiatan militari dan perayaan. Terrace of the Elephants adalah sepanjang 300 meter dan siap diukir dengan arca gajah dan garuda.

Pada masa yang sama, penulis juga berkesempatan pergi ke Prasats Suor Prat, North Kleang dan Preah Pithu Group yang semuanya terletak berdekatan antara satu sama lain di Angkor Thom.

Penulis meneruskan perjalanan ke Ta Phrom iaitu sebuah kuil yang sering menghiasi dada-dada majalah dan buku-buku pengembaraan. Ia adalah antara kuil yang tidak melalui proses pemuliharaan secara besar-besaran.

Pemandangannya cukup indah dengan akar-akar pokok tua yang tumbuh meliar dari semua arah. Ia diibina bagi memperingati ibu Jayavarman VII.

Kuil Ta Keo mempunyai tarikan anak tangga yang curam dan dikenali sebagai gunung berpuncak emas. Sebelum matahari terbenam, penulis naik ke Phnom Bakheng.

Dari ketinggian hampir 300 meter, anda boleh melihat bandar Siem Reap, tidak kurang juga sebahagian Taman Arkeologi Angkor bersama ramai pelancong dari Korea, China, Asia dan Eropah.

## Kalendar perayaan

■ **Bulan Januari atau Februari:**

Tahun Baru Cina

■ **Pertengahan bulan April:** Tahun Baru Khmer

■ **9 Mei:** Hari Pembunuhan beramai-ramai

■ **Bulan Mei:** Hari Diraja Membajak

■ **Penghujung bulan Mei:** Hari Vesak Bucha

■ **Bulan Julai:** Chol Vassa dan lain-lain

■ **Bulan September:** Pchum Ben

■ **Bulan Oktober hingga**

**November:** Perayaan air

■ **31 Oktober:** Perayaan Kelahiran Raja Sihanouk

■ **9 November:** Hari Kemerdekaan

■ **Bulan November atau Disember:** Perayaan Angkor



**SALAH** satu pemandangan biasa di Siem Reap.